



LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA
JABATAN PENGURUSAN HASIL
TINGKAT 14, BLOK 9
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,
JALAN DUTA
50600 KUALA LUMPUR

*Telefon: 03- 62091000
Faks: 03-62039592
Laman Web: www.hasil.org.my*

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : LHDNM.01/32/193/31

Tarikh : 13 Februari 2008

Pengarah Eksekutif,
Institut Percukaian Malaysia (MIT),
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue II,
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,
50450 Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Malaysia (MIA)
Dewan Akauntan No. 2
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif,
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
15, Jalan Medan Tuanku
50300 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)
Pejabat Sekretariat MATA
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati
53100 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City
Lingkar Syed Putra
59200 Kuala Lumpur

Presiden
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)
No. 23A, 1st Floor
Jalan SS24/11, Taman Megah
47301 Petaling Jaya, Selangor

Tuan / Puan,

PROSEDUR MEMFAIL BORANG-BORANG NYATA B, BE, M, P, TP, TF, TJ TAHUN TAKSIRAN 2007 DAN BORANG E TAHUN SARAAN 2007

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Selaras dengan keputusan yang dicapai dalam perbincangan khas antara persatuan akauntan dan LHDNM yang telah diadakan pada 4 Februari 2008, bersama-sama ini dikemukakan Prosedur Memfail Borang-borang Nyata B, BE, M, P, TP, TF, TJ Tahun Taksiran 2007 dan Borang E Tahun Saraan 2007 (Lampiran A) sebagaimana yang diputuskan dalam mesyuarat tersebut.

3. Minit mesyuarat berkenaan akan menyusul kemudian.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"MESRA, MEMBANTU, MEMUASKAN"

t.t.

(MOHAMMAD SAIT BIN AHMAD)

Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil

b.p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

ditutupkan oleh: Nizam Wahid

LAMPIRAN A

PROSEDUR MEMFAIL BORANG-BORANG NYATA B, BE, M, P, TP, TF, TJ TAHUN TAKSIRAN 2007 DAN BORANG E TAHUN SARAAN 2007

1. Borang Nyata dalam format PDF

1.1 Borang Nyata B, BE, M, P, TP, TF, TJ Tahun Taksiran 2007 dan Borang E Tahun Saraan 2007 dalam format PDF boleh digunakan untuk memfailkan borang. Bagaimanapun, syarat-syarat berikut hendaklah dipatuhi oleh semua pengguna borang PDF ini:

a) Cetakan yang dibuat hendaklah mengikut spesifikasi seperti berikut:

- i) Jenis Kertas : *Plain A4 (210mm x 297mm) / 80 gsm (minimum)*
- ii) Orientasi Kertas : *Potrait*
- iii) Teknologi Cetakan : *Laser*
- iv) Warna Cetakan : *Pure Black / Monochrome*
- v) Kualiti Cetakan : *Single sided / 1 sheet per page / 300 dpi*

b) Borang yang tidak memenuhi spesifikasi di atas akan dikembalikan kepada pembayar cukai dan dianggap sebagai tidak diterima.

1.2 Format PDF Borang Nyata B, BE, M, P, TP, TF, TJ Tahun Taksiran 2007 dan Borang E Tahun Saraan 2007 boleh dimuat turun dari laman web LHDNM <http://www.hasil.org.my>.

- 1.3 Penggunaan format PDF Borang Nyata B, BE, M, P, TP, TF, TJ dan Borang E tidak akan dibenarkan mulai Tahun Taksiran 2008 dan Tahun Saraan 2008 masing-masing.
- 1.4 Semua ejen cukai digalakkan menggunakan e-Filing bagi memfail borang sendiri dan pelanggan masing-masing.

2. Borang B dan BE Tahun Taksiran 2007

Ejen cukai yang beroperasi di luar Lembah Kelang dibenarkan untuk memfail Borang B dan BE bagi Tahun Taksiran 2007 di kaunter cawangan-cawangan LHDNM tetapi "*grace period*" selama 14 hari tidak dibenarkan. Ejen cukai yang menghantar borang ke kaunter cawangan hendaklah mematuhi prosedur berikut:

- 2.1 Mengasingkan borang mengikut status kedudukan cukai:
 - i. Bayaran balik: Seksyen 110;
 - ii. Cukai terlebih bayar;
 - iii. Ada baki cukai kena dibayar;
 - iv. Tidak kena cukai / Tiada baki.
- 2.2 Senaraikan semua Borang Nyata yang dikemukakan. Sediakan senarai dalam 2 salinan jika 'akuan terima tanpa prejudis' diperlukan. Cawangan akan mengeluarkan 'akuan terima tanpa prejudis' sahaja sekiranya diperlukan oleh ejen cukai.
- 2.3 Borang Nyata dikumpulkan sejumlah maksimum 25 borang bagi setiap kelompok .

3. Borang E bagi Tahun Saraan 2007

- 3.1 Lanjutan masa sehingga 31 Mac 2008 dibenarkan untuk memfail Borang E bagi Tahun Saraan 2007.
- 3.2 Majikan dibenarkan untuk mengisi ruangan 'Jumlah' bagi ruang-ruang B1 hingga B5 sahaja di Bahagian B dalam Borang E bagi Tahun Saraan 2007 jika majikan menghadapi masalah untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Bagaimanapun, kelonggaran ini diberi secara konsesi untuk Tahun Saraan 2007 sahaja.

4. Borang R31 – Penyata Baki 108 pada 31 Disember 2007

Borang R31 – Penyata baki 108 pada 31 Disember 2007 di bawah Peruntukan Kecualian dan Peralihan Akta Kewangan 2007 (Akta 683) akan dikeluarkan tidak lama lagi dan akan diumumkan kelak.

5. e-Filing

LHDNM akan menyediakan perkhidmatan e-Filing untuk Borang Nyata B, BE, M, P Tahun Taksiran 2007 dan Borang E Tahun Saraan 2007. Panduan pengguna dan prosedur yang berkaitan akan dimaklumkan dari masa ke semasa.